

Menerima Menjadi Rakyat Orang yang Setia*



UAN pengerusi, wakil-wakil, pemerhati-pemerhati serta sekalian umat penduduk Semenanjung Tanah Melayu. Biasanya sebelum dilantik seseorang pengerusi baru, pengerusi yang ada menghuraikan serta menerangkan kepada pihak yang mengangkatnya dalam masa dia menanggung jawatan pengerusi itu. Pada hari ini saya meminta kebenaran mengubah sedikit peraturan itu—tentang menerangkan pekerjaan yang telah dibuktikan oleh UMNO dengan tidak menghuraikan butir-butir yang berbagai-bagai jenis sekadar pada perkara mustahak yang patut diketahui oleh ahli UMNO. Kerana jasa UMNO kepada tanah air serta penduduk Malaya nampaknya telah dilupakan atau sengaja hendak dilupakan oleh sedikit-sedikit orang yang patut tahu.

Dengan tujuan itu maka terpaksa saya membawa perhatian wakil-wakil sekalian kepada bulan Oktober 1945 tatkala kerajaan British telah mengeluarkan satu perisytiharan menerangkan kehendaknya hendak mendirikan di Semenanjung ini sebuah kerajaan bernama Malayan Union. Dengan tidak membuang masa kerajaan British masa tenteranya masih berkuasa negeri ini telah menghantar seorang pegawainya bernama Sir Harold MacMichael supaya memujuk Raja-raja Melayu sekadar minta letakkan tandatangan di atas secebis kertas. Dengan tidak berunding atau barangkali tidak dapat berunding dengan menteri-menteri atau penasihat-penasihatnya maka Raja-raja Melayu itu telah meletakkan tandatangannya iaitu pengakuan menyerahkan kuat kuasanya terus kepada King.

Apakala perkhabaran itu sampai kepada telinga umat Melayu di seluruh Malaya ini maka telah berbunyi dan bangkit suatu bantahan

* Ucapan di Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Butterworth, Seberang Perai, Pulau Pinang, pada 27 dan 28 Ogos 1949.

yang kuat meliputi dari seluruh umat Melayu Semenanjung—terbit dari pekan-pekan membawalah ke kampung-kampung. Dengan mengetahui begitu adanya rakyat-rakyat Melayu itu membantah serta melawan atas kecerobohan British itu maka setengah daripada Raja-raja Melayu itu menyesal baharulah terkeluar bantahan-nya yang tidak kuat bunyinya.

Umat Melayu masa itu bukannya membantah dengan suara sahaja melainkan mereka itu mengadakan perundingan di bandar Kuala Lumpur dan di situ dijadikan perkumpulan dan pertubuhan umat Melayu yang kemudiannya bernama UMNO.

Maka pertubuhan inilah yang telah mengambil langkah membukakan rundingan semula serta menunjukkan kesalahan British yang begitu besar.

Dalam bulan Mac 1946 telah diadakan perhimpunan itu dan 1 April 1946 maka kerajaan British telah mendirikan kerajaan Malayan Union dengan rasmi istiadatnya dan meminta Raja-raja Melayu berangkat menyerahkan kuasa-kuasanya itu.

Mujurnya UMNO telah ada pada masa itu menjaga bukan sahaja atas maruah raja itu tetapi atas hak kepunyaan orang Melayu. Dengan larangan keras dari UMNO maka tidak ada seorang pun raja-raja berangkat menyaksikan penyerahan kuasa itu.

Umat Melayu di Kuala Lumpur telah berkumpul dengan beramai-ramai di Perhentian Kereta Api di Kuala Lumpur mempersembahkan kepercayaan dan taat kepada raja-raja Melayu. Perbuatan rakyat itu menyebabkan titik air mata Raja-raja keluar berduyun-duyun.

Pertubuhan ini telah melanjutkan bantahan-bantahan itu dan perintahan saya berjumpa Gabenor Jeneral dan Gabenor Malayan Union. Bersama-sama wakil UMNO saya berjumpa dengan pegawai-pegawai itu. Dalam rundingan itu dipersetujui supaya dipersilakan Raja-raja Melayu ke Kuala Lumpur supaya dapat dirundingkan membentuk sebuah kerajaan lain.

Sebelum raja-raja berangkat ke Kuala Lumpur kali kedua UMNO bersidang sekali lagi di Ipoh. Dan pada masa itu telah disusun akan rangka-rangka perintahan Tanah Melayu.

Daripada rundingan antara Raja-raja Melayu serta pembesar-pembesar Inggeris dan wakil UMNO maka telah diangkat sebuah jawatankuasa bagi menghalusi butir-butir perintahan Tanah Melayu dengan wakil-wakil UMNO dan wakil Raja-raja Melayu iaitu wakil yang dipersetujui oleh UMNO.

Lapan bulan lamanya wakil-wakil UMNO telah duduk berunding, bertengkar, berbahas dan berkasar dan di kalanya diberhentikan rundingan itu dengan ikhtiar hendak merampas balik hak-hak dari kerajaan Inggeris yang telah merampas hak-hak Melayu itu.

Kesudahannya pada 1 Februari telah didirikan kerajaan *Federation*. Di sini juga saya hendak menerangkan kepada penduduk Pulau Pinang dan Melaka iaitu dengan kekerasan wakil-wakil UMNO itulah dua negeri ini termasuk ke dalam *Federation* tetapi ada raja-raja Melayu itu telah menolak termasuknya Pulau Pinang.

Saya huraikan hal ini supaya diketahui dengan terangnya oleh umat Melayu dan penduduk Malaya ini mengetahui akan kerja yang telah dibuat oleh UMNO bertujuan menyatukan negeri-negeri Melayu kerana Pulau Pinang dan Melaka itu berasal negeri Melayu.

Oleh kerana telah terdirinya kerajaan Tanah Melayu saya mendengar raja-raja itu sahajalah yang merampas kerajaan ini dari Malayan Union tetapi tidak menyebutkan dia telah menyerah negeri ini bulat-bulat.

Saya bukan hendak mencela raja-raja kita. Sayalah yang kuat mengangkat balik raja-raja itu ke atas takhta kerajaannya. Tetapi sungguhpun saya membuat demikian saya tidak dapat balas dan kenangan daripada raja-raja kita.

Dari semenjak telah terdirinya *Federation* saya berani berkata berapa banyak kalinya saya telah bertentang dan menentang baik kepada Pesuruhjaya Tinggi dan Pesuruhjaya Agung supaya menjaga hak raja-raja dan umat Melayu dengan cara halus dan kasar dengan tidak berhenti-henti.

Barangkali wakil-wakil masih ingat dalam masa kita mengadakan persidangan ini di Alor Setar, pada masa hendak mengesahkan dan hendak menerima Persekutuan Tanah Melayu beberapa orang wakil-wakil di dalam persidangan itu telah menuntut supaya *High Commissioner* itu dijadikan seorang Melayu. Tetapi kerana memandang jawatan itu terlalu tinggi, saya tentang cadangan itu sehingga terbit suatu cadangan jika tidak dijadikan *High Commissioner* itu Melayu supaya timbalannya hendaklah Melayu.

Kehendak itu saya telah membawanya kepada Majlis Raja-raja Melayu. Saya telah membahaskan, saya telah minta persetujuan daripada raja-raja itu, tetapi bagaimana caranya ia menerimanya permintaan daripada umat Melayu? Satu permintaan yang menepati bagaimana penerimaan raja-raja atas hal ini?

Dengan tidak membahaskan terlebih dahulu atas jawatan *High Commissioner* itu maka raja-raja itu telah membahaskan berapa gaji Timbalan *High Commissioner*.

Dan berapa besar rumahnya, patut sewa atau tidak itulah difikirkan oleh raja-raja dahulu, begitulah caranya raja-raja itu merundingkan permintaan daripada umat Melayu sendiri.

Tidak cukup mempermainkan permintaan itu beberapa bandingan telah dilakukan tentang gaji dengan ambil perbezaan dengan pegawai-pegawai British. Sungguhpun demikian dapat juga dimasukkan ke dalam ura-ura raja-raja itu. Akhirnya semuanya bersetuju kecuali Sultan Kedah dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dengan alasan 'Bagaimana rakyat raja lebih besar daripada raja'. Saya tidak meminta supaya jawatan itu lebih besar daripada jawatan baginda.

Menilik perkongsian kerajaan kita dan King padahal *manager*-nya cuma dari King sahaja—*sleeping partner*—saya berfikir telah patut jika sekiranya Inggeris mengaku Tanah Melayu ini ialah bersyarikat dan bersahabat baik. Maka kerana itu hendaklah bersahabat dan berbaik-baik.

Saya kerap kali telah tanya oleh orang ada yang bertanya apakah ertinya kerajaan Tanah Melayu. Kerajaan itu ialah pegawai-pegawai yang memegang teraju dan juga ahli-ahli Mesyuarat Kerja dan Undangan atau pegawai-pegawai putih yang memegang teraju di pejabat-pejabat kerajaan.

Kita Melayu dengan pengakuan kerajaan British mengatakan hendak beri taraf kerajaan sendiri kepada Melayu tetapi pada hari ini tidak ada pegawai-pegawai yang memegang jawatan tinggi. Maka bilakah pula ada kelayakan mereka di dalam menunaikan janji itu.

Tatkala saya sendiri terbang ke England berjumpa *Secretary of State*, saya telah mendatangkan tuntutan daripada umat Melayu dan meminta dipersetujukan jawatan seperti itu diberikan kepada seorang Melayu.

Dua daripada sekalian raja-raja tidak bersetuju dengan cadangan itu. Hal itu telah mendatangkan fikiran dalam kepala saya, mengapa sebabnya ada rupanya Raja-raja Melayu yang hendak berkehendak memegang jawatan-jawatan besar di dalam kerajaan sendiri. Saya hairan baharulah terlintas dalam fikiran saya bahawa mereka bimbang khuatir dan takut kalau-kalau saya membawa permintaan itu dengan tujuan supaya jawatan itu dikurniakan kepada saya. Kerana

bukan mereka marahkan saya, mereka bimbangkan beratus ribu rakyat Melayu yang berdiri di belakang saya.

Dengan ingatan seperti itu saya telah meminta supaya dimasukkan ke dalam ingatan mesyuarat supaya jangan saya diberi jawatan itu ataupun tidak merubahkan perasaan raja-raja itu.

Telah berbangkit suatu bahasan yang boleh ditertawa-tawakan—suatu bahasan yang bukan di Majlis raja-raja tempatnya tetapi yang boleh ditunjukkan di atas panggung.

Maka raja-raja yang bijaksana itu meminta supaya ditangguhkan hal itu, supaya difikir semula. Saya menerangkan di sini kerana saya telah berjanji. Sultan Pahang telah bertanya apa fasal hendak ditangguhkan atau difikirkan. Jawabnya sangatlah tidak memuaskan—jawabnya molek ditangguhkan untuk difikirkan.

Begitu adanya pandangan terhadap kepada tuntutan umat Melayu sendiri—itulah yang jadi pertengkaran di Majlis Raja-raja itu.

Sebelum diadakan mesyuarat raja-raja itu, maka biasanya Menteri-menteri Besar itu berunding dan bermesyuarat sama sendiri merundingkan perkara yang hendak dibawa kepada raja-raja. Antaranya ialah satu cadangan daripada *High Commissioner* iaitu cadangan melarang pegawai-pegawai kerajaan supaya jangan campur politik dan siasah negeri. Lapan daripada Menteri-menteri Besar itu telah memberi fikiran tidak boleh dijalankan tegahan itu sekarang ke atas umat Melayu.

Umat Melayu hari ini mesyuarat nasihat kerajaan sebelum perang dahulu berkehendak seberapa banyak supaya Melayu berkhidmat di dalam kerajaan dengan dasar iaitu hari ini 95 peratus daripada orang yang berpengetahuan di Malaya ini adalah bekerja di dalam jawatan kerajaan.

Di kampung-kampung di situlah duduknya ketua kampung, di situlah guru-guru sekolah, datuk-datuk imam dan lain-lain orang yang bekerja dengan kerajaan yang harus dipandang dan disegani, tempat orang kampung bagi menerima panduan, pimpinan dan nasihat. Begitu juga jawatan-jawatan lain, semuanya itu berpimpin-pimpin satu sama lain berhubung-hubung yang menjadi merbahaya jika dipecahkan.

Kita hari ini bertujuan demokrasi, maka tiap-tiap seorang yang ada pengetahuan dan kebolehan hendaklah memimpin umat yang ramai itu supaya bila sampai masanya kita berkerajaan sendiri tiap-tiap seorang Melayu ini akan tahu apa yang dikata demokrasi itu.

Jika dikeraskan hukuman itu adalah ia suatu hukuman yang khianat.

Dengan alasan seperti itu tiap-tiap Menteri Besar telah bersetuju tidak boleh lagi dijalankan hal itu. Sekadar seorang sahaja yang tidak bersetuju, bahkan menteri itu minta masukkan dalam peringatan mesyuarat itu dia bersetuju dengan hukuman itu.

Maka hal itu dibawa ke dalam Majlis Raja-raja dan di situlah saya melihat cara demokrasi itu. Menteri Kedah telah menerangkan mengapa sebab-sebab dia tidak boleh terima rundingan menteri-menteri lain dan pada masa itu Raja Kedah itu telah bercakap mengapa lapan menteri itu tidak bersetuju dengan seorang menteri Kedah.

Tiap-tiap seorang menteri telah menerangkan akan sebab-sebab itu tetapi malangnya hal itu telah diterima di dalam persidangan sulit diraja.

Satu lagi ialah fasal pelajaran anak-anak Melayu telah ada cadangan kepada Majlis Raja-raja itu patut Tanah Melayu diadakan sekolah bermacam-macam bahasa supaya bila tahu bahasa Cina baharulah berperasaan penduduk Tanah Melayu ini.

Saya telah berkeras tidak patut masa kesusahan ini mengajar berbagai-bagai bahasa di dalam negeri. Cuma yang harus dibuat ialah dua perkara iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Dengan sebab demikian adanya perbuatan di dalam Majlis Raja-raja itu, dengan sebab demikian cara-caranya Duli Yang Maha Mulia itu merundingkan satu-satu perkara yang mustahak dan boleh mendatangkan kecacatan; atau sebaliknya mendatangkan faedah-faedah kepada penduduk-penduduk negeri supaya hal itu difikirkan dan ditimbangkan sesuatu yang mustahak maka tatkala itu gelaplah pada pandangan saya akan nasib Melayu akan datang.

Saya telah mendengar juga iaitu ada orang berkata dan menulis dalam akhbar bukannya mesti raja-raja itu membawa Menteri Besar menerima nasihat raja-raja itu.

Saya satu daripada berbelas-belas orang itu mempersetujui cakup-cakup dalam buku itu. Saya seorang yang ada mengerti akan tujuannya—sungguhpun dinyatakan dalam undang-undang itu hendaklah Raja-raja Melayu membawa seorang penasihatnya iaitu Menteri Besarnya.

Kerana dibimbangkan jika tidak dinasihatkan raja-raja itu takut kalau-kalau berlaku seperti yang telah berlaku antara raja-raja dengan MacMichael itu.

Suatu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tuan A.A.C. Thuraisingam telah diperbuat iaitu hendaklah bahasa Melayu itu diajarkan di tiap-tiap sekolah di Persekutuan Tanah Melayu ini—saya telah mendapat sokongan daripada segala bangsa di dalam hal ini.

Dengan itu baharulah timbul semangat saya kerana memikirkan begitu pula pandangan bangsa asing terhadap bahasa Melayu dan begitu pula pandangan raja-raja kepada bahasanya.

Tidak maksud saya hendak menghasut segala rakyat untuk menderhaka kepada rajanya tetapi saya berhajat supaya raja-raja itu menimbangkan permintaan rakyat itu.

Saya akan tentang hatta raja pun jika perkara-perkara yang dijalankan olehnya itu mendatangkan cacat kepada umat Melayu.

Jauh daripada berkehendak menderhaka kepada Raja-raja saya beberapa kali melawan bagi pihak menuntut supaya mereka dimuliakan dan dihormati oleh kerana saya sedar bahawa kehormatan itu kepada bangsa dan umat Melayu.

Dengan mengetahui adanya kurang kepercayaan raja-raja itu kecuali Raja Johor kerana raja saya itu menaruh sepenuh-penuh kepercayaan ke atas diri saya, kerana memandang kepercayaan yang ringan lain-lain raja-raja itu kepada saya maka saya telah letakkan jawatan mewakili raja-raja di dalam Majlis Pertahanan.

Saya telah pun meminta supaya seorang Melayu dilantik menjadi jawatankuasa di dalam pertahanan di timur ini. Negeri ini bukan hak Raja-raja Melayu tetapi ialah hak penduduk negeri ini.

Oleh kerana melihatkan nampaknya sokongan-sokongan kita yang hendak membawa rebah itu hendaklah kita berfikir dengan halusnya apakah perubahan yang patut supaya kuasa-kuasa bernafsu-nafsi itu akan terhapus supaya digantikan dengan kuasa perwakilan dan suara rakyat jelata.

Patut juga kita fikirkan hari ini suatu ikhtiar yang tidak dapat tiada suatu ikhtiar yang berkehendak akan dipinda Perjanjian Tanah Melayu ini, suatu ikhtiar difikir dan dihalusi menurut aturan negeri-negeri lain—mengadakan jabatan kementerian berbagai-bagai perkara di dalam negeri Melayu.

Dengan perubahan seperti itu baharulah penduduk-penduduk di negeri Melayu itu dengan sebenarnya akan mengambil campuran dan berkuasa di dalam Tanah Melayu itu.

Satu lagi ialah setelah sampai ataupun tiba masanya di dalam

Tanah Melayu diadakan taraf kebangsaan iaitu berlainan daripada taraf kerakyatan seperti tersyarat di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini—lihatlah negeri-negeri jiran kita di mana pun dalam dunia lihat peraturan di dalam negeri-negeri itu, menerima menjadi rakyat negeri itu ialah kepada orang yang sanggup menumpahkan taat setia, akal, nyawanya kepada negeri itu. Hal itu telah patut kita berfikir-fikir oleh sebab sebagaimana tuan akhirnya akan terjadi juga.

Jika sekiranya kita berkehendak mencapai taraf berkerajaan sendiri, taraf kemerdekaan yang dicita-cita itu.

Kerana selagi tidak dapat rakyat dalam negeri yang mengaku menumpahkan taat setia dalam negeri ini saya percaya akan lambat masanya baharu terbayang—belum sampai bayangan akan kerajaan menderhaka itu.

Inilah keterangan saya. Adakah ini memberi puas hati atau tidak puas hati tetapi oleh kerana selagi seseorang itu memegang jawatan yang antaranya patut dirahsiakan maka seseorang itu tidak boleh menzahirkan serta-merta, tetapi bukanlah ertinya saya menyembunyikan rahsia-rahsia itu tetapi nyatalah maksud saya supaya janganlah hendaknya kacau-bilau akan berlaku disebabkan suatu hal itu.